

MATTA Fair sasar 250,000 pelawat

Pameran tiga hari itu sasar jualan RM400 juta berbanding RM220 juta pada Mac 2019

Oleh NAZRIN ZULKAFLI
KUALA LUMPUR

Pameran Persatuan Ejen Pelancongan dan Pengembawaan Malaysia (MATTA Fair) kali ini menetapkan sasaran sehingga 250,000 pelawat berbanding hanya 43,996 pelawat pada September lalu.

Pengerusi Penganjur, Rocky Kho berkata, ini kerana pameran yang berlangsung pada 17 hingga 19 Mac itu akan diadakan di Pusat Pameran dan Perdagangan Antarabangsa Malaysia (MITEC) yang mempunyai keluasan 37,645 meter persegi.

Jelas beliau, berbanding lokasi penganjuran sebelum ini iaitu di Pusat Dagangan Dunia (WTC), MITEC mempunyai keluasan 30 peratus

lebih besar.

Tambahnya, sasaran jualan juga meningkat sehingga 50 peratus iaitu mencapai RM400 juta berbanding jualan tertinggi sebelum ini pada Mac 2019 sebanyak RM220 juta.

“Sebelum ini kita adakan di WTC tetapi keadaan ruang pameran di seberang sungai itu yang tidak tersedia telah menyukarkan kami.

“Di samping itu, walaupun ia (kawasan) masih ada, kami tidak dapat berkembang untuk memenuhi keperluan ahli dan pem-pamer lain.

“Oleh itu, kami berpindah ke MITEC,” katanya dalam satu sidang akhbar di sini pada Jumaat.

Turut hadir, Ketua Pegawai Eksekutif MITEC, Mala Dorasamy; Jawatankuasa Penganjur, Datuk Hamzah Rahmat dan Nigel Wong.

Tambah Kho, MATTA Fair yang bermula pada jam 10 pagi hingga 9 malam itu turut menampilkan kelainan dengan menyediakan pelbagai ruangan seperti gerai makanan dan pertunjukan budaya.

Jelas beliau, terdapat tiga aras sempena pameran berkenaan iaitu tingkat satu berkaitan pelancongan domes-



Dari kiri: Hamzah, Kho, Mala dan Nigel semasa sidang akhbar pada Jumaat.

tik, manakala di aras dua dan tiga adalah bahagian antara-bangsa.

“Aras satu atau tingkat bawah ditetapkan sebagai sfera domestik. Di sini anda akan menemui semua barang pelancongan Malaysia termasuk tarikan, hotel, inap desa dan barang yang dihasilkan.

“Selain itu, semua Pertubuhan Pelancongan Negeri (STO) akan ditempatkan di sini. Perak mendahului dengan menduduki satu perlima daripada

keluasan, menjadikannya pem-pamer terbesar di bahagian/dewan domestik,” ujarnya.

Menurutnya, bagi aras dua dan tiga pula, ia akan menempatkan pelbagai Pejabat Pelancongan Nasional (INT) termasuk dari Filipina, Indonesia, Thailand, Taiwan, Arab Saudi, Dubai, Hong Kong, Korea, Maldives dan lain-lain.

Jelasnya, pengendali umrah yang mempunyai lesen oleh Kementerian Pelancongan, Kesenian dan Kebudayaan

(MOTAC) juga turut disediakan.

“Mereka (pengendali) akan menjual paket umrah dan haji mereka di sini sebagai tambahan kepada pelancongan serta perkhidmatan lain yang disediakan,” ujarnya.

Tambah beliau, antara ke-lainan baharu yang ditampilkan juga adalah dengan membawa masuk Arab Saudi sebagai salah satu destinasi untuk dikunjungi.

“Ia merupakan destinasi bukan sahaja untuk umat Islam menuaikan umrah dan haji, malah ia kini menjadi destinasi semua orang,” katanya.

Bagi pengangkutan pula, tambah Kho, MATTA akan menyediakan perkhidmatan bas ulang-alik dengan kerap dan percuma di tempat pengambilan atau penghantaran yang ditetapkan.

Ia melibatkan kawasan di sekitar MITEC iaitu di Hentian Duta, Kompleks Mahkamah, Masjid Wilayah, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) serta Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (Matrade), manakala lokasi lain akan diumumkan pada masa yang sesuai.

20 asnaf terima manfaat Skim SPERA Zakat Pulau Pinang

PERMATANG PAUH - Seramai 20 asnaf di kawasan daerah Seberang Perai Tengah bakal menerima manfaat menerusi Skim Pendawaian Elektrik Rumah Asnaf (SPERA) yang diperkenalkan oleh Zakat Pulau Pinang (ZPP).

Ketua Pegawai Eksekutif ZPP, Datuk Amran Hazali berkata, SPERA merupakan salah satu skim agihan terkini yang diperkenalkan ZPP dengan kerjasama strategik Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara (IKTBN) Bukit Mertajam.

Menurutnya, ZPP telah memperuntukkan sebanyak RM120,000 bagi menjayakan program tersebut dengan setiap keluarga bakal menerima peruntukan maksimum sehingga RM6,000.

“Melalui skim ini, pihak IKTBN akan menggunakan kepakaran mereka untuk membuat pemeriksaan dan kerja-kerja pembaikan pendawaian elektrik di rumah



Ahmad Zakiyuddin (tiga dari kiri) menyaksikan Majlis Pelancaran Program Kerjasama Strategik ZPP dan IKTBN, Bukit Mertajam dekat Masjid Jamek Kubang Ulu pada Khamis.

asnaf yang telah dikenal pasti, sementara ZPP akan membayar kos menggunakan dana agihan zakat.

“Skim ini diperkenalkan selepas kita mendapati kebanyakkan rumah di Pulau Pinang terutamanya di

kampung-kampung masih lagi menggunakan pendawaian elektrik yang berusia puluhan tahun dan berisiko mengalami masalah litar pintas,” katanya ketika berucap pada Majlis Pelancaran Program Kerjasama Strategik ZPP dan IKTBN, Bukit

Mertajam dekat Masjid Jamek Kubang Ulu di sini pada Khamis.

Pelancaran program tersebut disempurnakan oleh Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Ir Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman yang juga Yang Dipertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP).

Turut hadir, Timbalan Pengarah Pengurusan Latihan IKTBN Bukit Mertajam, Muzkhairil Muhamad dan pegawai-pegawai ZPP.

Mengulas lanjut, Amran berkata, SPERA dijalankan secara berfasa dengan mengikuti kariah di seluruh Pulau Pinang yang akan bermula dengan projek rintis di dalam daerah Seberang Perai Tengah.

“Fokus akan diberikan kepada asnaf fakir dan miskin yang merupakan penerima skim kewangan bulanan daripada ZPP.

“Antara syarat kelayakan skim ini adalah penerima hendaklah tinggal di rumah sendiri atau rumah pusaka, mana-

kala asnaf yang tinggal di rumah sewa atau rumah dibina oleh pemaju tidak layak menerima skim baharu ini,” katanya.

Sementara itu, Ahmad Zakiyuddin berkata, program kerjasama strategik tersebut membuktikan kesungguhan ZPP dalam menuaikan amanah pembayar zakat di Pulau Pinang dengan memberikan hak sebaiknya kepada golongan memerlukan.

“Saya dimaklumkan bahawa pada 2022, ZPP berjaya mengagihkan sebanyak RM3.05 juta untuk keseluruhan skim agihan perumahan melibatkan projek bina baru (22 rumah) telah dibina untuk asnaf yang layak dan bagi Skim Baikpulih (82 rumah) telah dibaik pulih.

“Diharap melalui semua skim agihan yang diterima daripada ZPP ini dapat digunakan sebaik mungkin oleh keluarga asnaf khasnya, untuk menampung kos kehidupan sehari-hari,” katanya.